

Headline **UPM jadi tumpuan pelajar asing**  
Date **24. Jul 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **15**  
Section **Dlm Negeri** Article Size **80** cm2  
Circulation **238082** Frequency **Daily**  
Readership **833287** Color **Full Color**  
AdValue **1139.22**



## UPM jadi tumpuan pelajar asing

KUALA LUMPUR 23 Julai - Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi tumpuan bagi pelajar-pelajar luar negara terutamanya dari Iran apabila pusat pengajian tinggi itu diiktiraf sebagai universiti penyelidikan, baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, selain pelajar dari Iran, UPM juga telah dibanjiri pelajar dari negara Islam yang lain terutamanya dari Asia Barat seperti

Libya dan juga Iraq.

Menurutnya, kebanyakan pelajar tersebut mengikuti program sarjana dan kedoktoran dalam bidang kejuruteraan dan sains biologi.

"Ini kerana UPM memberi penekanan kepada kertas kerja dan tesis dalam bidang-bidang yang melibatkan penyelidikan.

"Selain itu, UPM juga memberi segala kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelajar pelbagai kaum dan

bangsa dari seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Putra Sarjana 2008 dan majlis ikrar pelajar baru sesi 2008/2009, di sini hari ini.

Seramai 1,900 pelajar dari dalam dan luar negara telah mendaftar untuk mengikuti program sarjana dan kedoktoran di UPM.

Angka itu merupakan 18.8 peratus lebih tinggi jika dibandingkan tahun lalu iaitu hanya 1,600 pelajar lepasan ijazah.